

## **BIMBINGAN KERJAYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Mohamed Sharif Mustaffa &  
Roslee Ahmad  
Jabatan Pendidikan Sains Sosial  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**ABSTRAK:** Bekerja merupakan suatu amalan manusia yang disuruh dan dituntut oleh agama Islam. Malah tujuan manusia bekerja ialah untuk mencari sumber rezeki bagi menanggung diri sendiri, kaum keluarga dan membantu orang lain. Bagi melahirkan pekerja Muslim yang profesional, para kaunselor di Malaysia disarankan supaya membimbing para pelajar di sekolah mahupun di Institut Pengajian Tinggi berdasarkan tiga peringkat. Peringkat-peringkat itu ialah peringkat sebelum memilih kerjaya, peringkat semasa melaksanakan kerja dan peringkat selepas menyelesaikan kerja. Dengan memfokuskan tiga peringkat perkembangan ini bakal-bakal pekerja Muslim akan memahami, menyedari dan seterusnya mengamalkan ciri-ciri pekerjaan yang direhui Allah.

### **PENDAHULUAN**

Bekerja merupakan satu kegiatan manusia yang disuruh dan sangat-sangat dituntut oleh agama Islam. Di dalam Al-Quran terdapat banyak sekali ayat yang menyuruh manusia bekerja, kerana kerja merupakan sumber rezeki untuk menanggung diri sendiri, kaum keluarga dan membantu orang lain. Firman Allah dalam Surah At-Taubah, ayat 105 yang bermaksud: “*Dan katakanlah (wahai Muhammad); Bekerjalah kamu maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan*”.

Dalam menyempurnakan pekerjaan tersebut, manusia akan berhadapan dengan pelbagai masalah sama ada masalah gaji dan upah, hubungan dengan ketua atau majikan, hubungan dengan rakan sekerja, peralatan kerja, cara mengurus kewangan dan sebagainya. Untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran sesuatu pekerjaan secara profesional, individu itu haruslah berbincang dengan seorang kaunselor. Perkara ini sedang dan akan ditekankan kepada pelajar sejak di bangku sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

## DEFINISI KERJAYA

Dalam penggunaan harian, terdapat 2 perkataan yang sering digunakan iaitu pekerjaan dan kerjaya. Merujuk kepada Kamus Dewan (2000), pekerjaan diertikan sebagai “sesuatu yang dilakukan secara berterusan kerana mencari nafkah”. Manakala Kerjaya pula didefinisikan sebagai “profesjon atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah”. Dari kedua-dua pengertian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa istilah pekerjaan dan kerjaya mempunyai makna yang serupa ataupun mempunyai makna yang tidak bertentangan (Yusof Ismail, 1991).

Ada dua tanggapan yang berbeza mengenai pekerjaan dan kerjaya. Bagi masyarakat yang bersikap materialistik (terutamanya bukan Islam), mereka beranggapan pekerjaan merupakan tuhan bagi manusia dan manusia adalah hamba kepada pekerjaan (Yusof Ismail, 1991). Ini kerana matlamat pekerjaan itu hanya untuk kesenangan dunia semata-mata dan semua cara dibenarkan asalkan memperolehi hasil yang lumayan. Sebaliknya, Islam mempunyai pandangan yang khusus terhadap pekerjaan, di mana menurut Islam, naluri bekerja tertanam dalam diri manusia. Manusia secara tabi'e (semulajadi) ingin menggunakan sumber-sumber alam untuk memakmurkan dunia kerana manusia berfungsi sebagai khalifah Allah, pemegang amanah di mukabumi dan beranggapan pekerjaan menjadi hamba bagi manusia seperti Firmah Allah S.W.T.: *“Dialah yang menjadikan untuk kamu bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya”* (Surah Hud, ayat 61).

Rasulullah S.A.W. juga bersabda: *“Tidak ada orang yang memakan makanan yang paling baik melebihi apa yang diperolehinya dari titik peluhnya sendiri. Sesungguhnya Nabi Daud memakan hasil titik peluhnya sendiri”* (Riwayat Bukhari). Dalam Hadis yang lain, Rasulullah S.A.W. bersabda: *“Mencari sesuatu yang halal menjadi suatu kefarduan selepas melakukan perkara fardhu”* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim). Apa yang dimaksudkan di sini ialah bekerja untuk mendapatkan sesuatu yang halal.

Islam amat menggalakkan umatnya bekerja demi keperluan diri sendiri, keluarga dan masyarakatnya. Dalam waktu yang sama, Islam amat membenci umatnya yang meminta-minta, mengemis dan sentiasa berharap pada orang lain. Sabda Rasulullah S.A.W.: *“Bila ada di antara kamu yang mendapatkan tali dan pergi mencari dan menanggung pulang seberkas kayu api dan menjualnya, ia telah menaikkan maruahnya. Ini adalah lebih baik dari meminta sedekah, sama ada orang memberinya atau tidak.* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dari dalil-dalil di atas, secara ringkasnya matlamat pekerjaan dan kerjaya menurut Islam adalah untuk;

1. mendapatkan rezeki yang halal untuk kegunaan diri, keluarga, masyarakat dan negara.
2. adalah menjadi tanggungjawab manusia sebagai khalifah yang mentadbir alam ini untuk memakmurkannya dengan kerja-kerja yang baik dan berfaedah, kerana kerja itu sebagai satu ibadah kepada Allah.

#### BIMBINGAN KERJAYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

3. membentuk masyarakat dan negara yang bertamadun, maju dan harmoni.
4. mengelakkan kesusahan, kesengsaraan, pergaduhan dan perpecahan di dalam masyarakat.

#### KEPENTINGAN KERJAYA MENURUT ISLAM

Apa yang dimaksudkan dengan Bimbining Kerjaya ialah satu proses teratur yang melibatkan perbincangan yang rapi tentang masalah kerjaya yang dihadapi oleh seseorang dan usaha mengatasi atau menyelesaikannya menerusi bimbining dan nasihat (Kamus Dewan, 2000). Oleh kerana pendekatan yang akan digunakan banyak bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis serta pandangan ulama-ulama Islam, maka proses yang akan dijalankan lebih condong kepada persoalan bimbining dan nasihat agama Islam.

Tidak dinafikan, kerjaya merupakan suatu yang penting dan amat berkait rapat dengan persoalan agama. Tetapi untuk menjadi pekerja yang baik dan berjaya pasti banyak halangan dan cabaran yang perlu diatasi. Umpamanya, apa kriteria untuk memilih jenis pekerjaan yang sesuai dan tidak bertentangan dengan syarak, siapa rakan sekerja, bagaimana suasana tempat kerja, jarak dengan kediaman dan banyak lagi bentuk bimbining yang boleh diberi kepada bakal-bakal pekerja Muslim. Berikutnya, semasa melaksanakan tugas tersebut, sering juga pekerja-pekerja berhadapan dengan masalah seperti gaji yang tidak setimpal, perselisihan di tempat kerja, tekanan di tempat kerja, rasuah, pecah amanah, malas, tidak cekap dan sebagainya. Selanjutnya, hasil daripada pekerjaan tersebut bagaimana pula hendak dibelanjakan, apa keutamaan dalam membelanjakan harta, siapa yang perlu ditanggung dan seumpamanya.

Selain daripada itu, hampir sebahagian besar dari masa seseorang setiap hari digunakan untuk kerjayanya sehingga mempengaruhi gaya dan corak kehidupannya. Ada yang masa kerja mereka tidak terhad pada waktu pejabat sahaja, ada yang terpaksa meyambung tugasnya di rumah, atau membuat kerja lebih masa, atau bertugas di luar kawasan atau di luar negeri dan sebagainya di samping pergi mengajar orang-orang tertentu yang secara sedar atau tidak, telah membentuk kehidupan mereka di dalam keluarga dan juga masyarakat. Oleh kerana kerjaya dan kehidupan saling mempengaruhi, terkadang boleh menimbulkan krisis peribadi yang memerlukan perhatian dan bimbining ke arah memperbaiki kualiti diri.

Adalah dirasakan perlu bimbining kerjaya mengikut pendekatan dan panduan ajaran Agama Islam supaya kesan bimbining tersebut tidak menjelaskan akidah, syariah dan akhlak umat Islam sepanjang tempoh proses kaunseling tersebut, di samping memberikan natijah pahala dan ganjaran Syurga. Ini disebabkan, jika proses kaunseling yang dilalui hanya kaunseling biasa dan kaunselor yang dirujuk merupakan kaunselor yang lebih bermatlamatkan materialistik, mungkin ia dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi tetapi dibimbangi akan memberikan kesan yang buruk di akhirat nanti.

## BIMBINGAN KERJAYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

### LANGKAH-LANGKAH BIMBINGAN KERJAYA MENURUT PENDEKATAN ISLAM

Bagi memudahkan perlaksanaannya, penulis bahagikan kepada 3 peringkat yang berbeza:

1. Peringkat sebelum memilih kerjaya
2. Peringkat semasa melaksanakan kerja
3. Peringkat selepas menyelesaikan kerja

#### 1. Peringkat Sebelum Memilih Kerjaya

Di antara panduan yang boleh diberikan kepada bakal-bakal pekerja Muslim ialah;

- i. **Keperluan Ilmu Pengetahuan dan Kemahiran;** Islam amat menekankan soal ketinggian ilmu di mana melalui penguasaan ilmu akan meletakkan seseorang ke darjah yang lebih tinggi. Allah berfirman:

Maksudnya: "*Allah mengangkat darjah orang-orang yang beriman di kalangan kamu dan juga orang-orang yang berilmu pengetahuan beberapa tingkatan*". (Surah al-Mujahadah, ayat 6)

Ilmu bagi tujuan kerjaya ini boleh diperolehi melalui pembelajaran formal seseorangan, atau pembelajaran kemahiran secara khusus, atau pengalaman-pengalaman peribadi, bakat semulajadi dan sebagainya. Seseorang yang ingin memilih kerjaya, perlu disesuaikan dengan pengetahuan yang dimilikinya bagi memudahkannya mendapat pekerjaan itu dan menguasainya.

- ii. **Mencari Pekerjaan Yang Halal;** Dalam pencarian sumber rezeki, Islam tidak sahaja menekankan soal hasil yang banyak, kekal, sesuai, selamat dan sebagainya. Apa yang lebih ditekankan ialah soal sumber rezeki i tu mestilah halal dan baik sama ada dalam bidang pertanian, penternakan, perniagaan, perkhidmatan dan sebagainya. Apa yang Islam larang ialah kerjaya yang terlibat dengan unsur-unsur yang haram seperti adanya unsur perjudian, pelacuran, arak, rasuah, penipuan, kezaliman, merosakkan dunia ini dan seumpamanya. Allah S.W.T. berfirman dalam surah An-Nahl ayat 114 yang bermaksud: "*Maka makanlah daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu yang halal lagi baik, dan bersyukurlah kamu akan nikmat Allah sekiranya kamu benar-benar beribadah kepadaNya*".

- iii. **Sesuai Dengan Minat dan Kebolehan;** Dalam memilih kerjaya, selain faktor upah, tempat kerjaya yang menarik, kerja yang halal, berpotensi untuk berkembang dan sebagainya, seseorang yang mempunyai banyak kelayakan dan kelebihan, boleh memilih berdasarkan minat dan kebolehannya di dalam sesuatu bidang. Ini mungkin akan lebih memudahkan ia bekerja dengan baik serta boleh meningkatkan daya kreativitinya. Contohnya, Nabi Allah Yusof menawarkan

#### BIMBINGAN KERJAYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

- iv. dirinya sebagai Menteri Kewangan kepada Raja Mesir kerana ia memang layak dan berminat, sedangkan Rasulullah S.A.W. menolak permohonan Abu Zar R.A. kerana ia tidak cukup syarat untuk menjadi pengurus Baitulmal (Yusof Ismail, 1991).
- v. **Kerja Yang Tidak Menghalang Ibadah;** Terdapat sesetengah pekerjaan yang tidak sesuai dipilih bukan kerana masalah imbuhan, perbalahan dan seumpamanya tetapi disebabkan pekerja itu terhalang di dalam melaksanakan kewajipannya yang lain. Umpamanya ia akan dihalang menunaikan solat, diarah memakai pakaian yang tidak menutup aurat, pergaulan bebas yang keterlaluan antara lelaki dan perempuan dan sebagainya yang sepatutnya dielakkan oleh umat Islam. Adalah menjadi tanggungjawab kaunselor Muslim untuk memberi panduan dan bimbingan dengan menjelaskan kewajipan fardhu ain dengan fardhu kifayah dan keutamaan bagi kehidupan seorang Muslim sebagaimana doa iftitah yang sentiasa dibaca di dalam solat, “*Sesungguhnya solatku, amal ibadahku, hidup dan matiku, hanyalah untuk Allah, Tuhan sekalian alam*”.

#### 2. Peringkat Semasa Melaksanakan Kerja

Antara penekanan kaunseling Islam yang boleh diberikan kepada seseorang pekerja semasa melaksanakan tugasnya ialah;

- i. **Perbetulkan Niat;** Iaitu setiap pekerja Muslim hendaklah meletakkan niat yang ikhlas bahawa kerja tersebut adalah sebagai satu bentuk ibadahnya kepada Allah, demi mencari keredaanNya. Oleh itu, proses pembetulan niat di hati adalah suatu yang penting dan perlu dibimbng. Hassan Al-Banna berkata; “Islam menitikberatkan soal pengubatan jiwa manusia kerana jiwa manusia merupakan sumber sistem, fikiran, konsep dan pembentukan, membersihkannya daripada hawa nafsu, menyucikannya dari kekotoran kepentingan diri. Apabila jiwa manusia telah istiqamah dan bersih, segala sesuatu yang lahir dari jiwa itu akan tetap baik dan indah” (Yusof Ismail, 1991).
- ii. **Mematuhi Etika Kerja Islam;** Antara etika kerja dalam Islam yang perlu dititikberatkan ialah;
  - a. **Amanah dan Jujur;** Setiap pekerja Muslim hendaklah ingat bahawa kerjaya yang mereka pilih merupakan amanah yang mesti disempurnakan dengan baik dan jujur kerana meyakini bahawa amanah tersebut akan dipersoalkan di akhirat kelak, (Jabatan Agama Islam Johor, 2000). Firman Allah yang ertinya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya*” (Surah An-Nisa’, ayat 58).

#### BIMBINGAN KERJAYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

- b. *Mematuhi Peraturan kerja dan Berdisiplin;* Setiap pekerja tertakluk dengan peraturan dan ‘standard’ kualiti yang telah ditetapkan oleh organisasi mereka. Oleh yang demikian, segala peraturan yang tidak bertentangan dengan Syariat Islam hendaklah dipatuhi dengan disiplin dan komitmen yang tinggi. Kepatuhan kepada peraturan termasuklah patuh kepada ketua akan memudahkan objektif organisasi dapat dicapai.
- c. *Semangat Kerjasama, Syura dan Sikap Tolak Ansur;* Dalam menyempurnakan tugas dengan cemerlang, semangat kerjasama semua anggota samada pekerja bawahan ataupun atasan amat diperlukan. Oleh itu, sikap bertolak ansur sesama rakan sekerja, pemaaf, bertolak ansur dan juga sesi perbincangan (syura) seharusnya kerap diadakan bagi mendapatkan hasil yang terbaik. Allah berfirman, maksudnya: “*Bagi orang-orang yang mematuhi seruan Tuhan mereka dan mendirikan solat, mereka memutuskannya dengan bermesyuarah (Syura) antara mereka*”(Asy-Syura; ayat 38).
- d. *Kreatif, Inovatif, Produktif dan Tekun;* Pekerja yang cemerlang semestinya mempunyai daya kreativiti dan ketekunan yang tinggi selain memiliki daya inovasi dan produktiviti yang boleh menguntungkan diri sendiri dan organisasi. Bahkan Islam amat menyanjung tinggi orang-orang yang seumpama ini. Rasulullah S.A.W. bersabda yang maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyukai apabila sesuatu pekerjaan itu dilakukan dengan penuh ketekunan*”. Sebagai contoh, para pekerja di Jepun telah memperkenalkan semangat kreatif, inovatif dan peningkatan produktiviti. Asas kejayaan mereka dalam bidang ini ialah semangat dan azam yang kuat untuk mencari cara baru yang lebih baik sama ada mengurangkan kos, mengurangkan masa yang diambil untuk melaksanakan sesuatu tugas atau proses, mengurangkan penggunaan bahan atau meningkatkan mutu barang itu sendiri. Semangat dan azam untuk sentiasa mencari cara baru yang lebih baik ini dikenali dalam bahasa Jepun sebagai ‘Kaizen’ yang berasaskan kepada budaya mereka sendiri, (Siti Fatimah, 1994).
- e. *Mengamalkan Peribadi Mulia;* Pekerja Muslim seharusnya menunjukkan peribadi unggul dan mulia berbanding pekerja lain. Ini kerana selain daripada pekerja Muslim dikawal oleh peraturan kerja dan undang-undang umum, mereka juga meyakini bahawa mereka sentiasa di bawah pemerhatian Allah dan para MalaikatNya. Oleh yang demikian, sifat-sifat mulia ini seharusnya menjadi amalan biasa setiap pekerja Muslim. Antara sifat-sifat mulia tersebut ialah sifat rajin, tekun, bersabar, malu untuk melakukan kesalahan jenayah, mesra, akrab, bertanggungjawab, menghormati orang lain, qana’ah, bertawakal, bersyukur, menghargai masa, menepati janji dan sebagainya.

## BIMBINGAN KERJAYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

### 3. Peringkat Selepas Menyelesaikan Kerja

Sesuatu amalan biasanya akan menghasilkan suatu natijah atau ganjarannya. Dalam konteks pekerjaan ia akan memberikan imbuhan atau rezeki kepada yang melakukan pekerjaan tersebut. Bagi membelanjakan hasil tersebut, Islam menekankan;

- i. *Membelanjakan Pendapatan Ke Arah Yang Halal;* Rezeki yang dianugerahkan Allah merupakan amanah yang dipersoalkan semula oleh Allah. Oleh itu, pekerja Muslim perlu diperingatkan bahawa setiap perbelanjaan yang dilakukan hendaklah pada perkara-perkara yang halal sahaja. Umpamanya untuk tujuan perbelanjaan keluarga, keperluan harian, perkara-perkara yang bermanfaat dan sebagainya. Firman Allah dalam surah At-Takasur, ayat 8 yang bermaksud; “Selain daripada itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu tentang segala nikmat yang telah kamu menikmatinya”.
- ii. *Mengeluarkan Zakat dan Bersedekah;* Harta yang dimiliki oleh seseorang tidak hanya untuk kegunaannya sahaja. Terdapat hak orang lain yang perlu disempurnakan iaitu kewajipan berzakat dan juga galakan membantu orang yang memerlukan seperti berderma, bersedekah, amal jariah, wakaf dan sebagainya yang menjadi tanggungjawab sosial orang Islam ke atas saudaranya yang lain. Firman Allah dalam surah Al-Hajj, ayat 78; Maksudnya; “Maka dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat”.
- iii. *Membelanjakan Mengikut Keutamaan;* Harta yang dikumpul oleh seseorang merupakan dugaan daripada Allah. Dugaan dalam erti kata Allah akan bertanya di akhirat kelak bagaimana harta kekayaan itu terkumpul, bagaimana dipelihara dan dibelanjakan (Mustafa, 1991). Dalam membelanjakan hasil pendapatan yang diperolehi, keutamaan hendaklah mengikut keutamaan ditentukan oleh Islam iaitu keperluan Dharuriyah, Hajiah dan Tahsiniah. Dharuriyah ialah urusan yang amat penting yang tanpanya manusia tidak mencapai kebahagiaan ukhrawi. Hak-hak yang perlu dipelihara ialah Deen (agama), jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Hajiah pula ialah keperluan manusia yang menghilangkan kesulitan dan memudahkan mu'amalat. Manakala Tahsiniah pula ialah keperluan untuk kesempurnaan hidup manusia (Yusof, 1999)
- iv. *Mengelakkan Pembaziran;* Islam menyuruh umatnya supaya berjimat cermat dan berhemat. Maksud berhemat ialah sifat menghargai sesuatu benda sama ada wang, harta benda, masa dan tenaga. Dalam erti kata lain menggunakan dengan berhati-hati dan berjimat. Dalam waktu yang sama Islam melarang umatnya daripada bersikap membazir dan bakhil. Membazir bererti ia membelanjakan apa yang dimilikinya tanpa memberikan apa-apa faedah kepadanya. Manakala bakhil pula ia terlalu sayangkan hartanya sehingga tidak menyempurnakan tanggungjawabnya untuk menyerahkannya pada yang berhak. Allah S.W.T. berfirman dalam surah Al-Furqan, ayat 67 yang bermaksud; “Dan juga mereka yang diredhai Allah itu ialah yang apabila membelanjakan hartanya tidak melampaui

## BIMBINGAN KERJAYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

*batas dan tidak bahkil, dan perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara itu”.*

### KESIMPULAN

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, adalah penting supaya proses Bimbingan Kerjaya ini diketengahkan oleh para kaunselor di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi dengan menggunakan pendekatan agama Islam. Sesungguhnya ia merupakan ilmu fardhu Kifayah yang sewajarnya disebar dan diamalkan oleh para kaunselor di dalam membantu bakal-bakal pekerja Muslim yang akan menceburi bidang kerjaya yang penuh cabaran dan ujian. Semoga pendekatan ini menjadi salah satu amal baik yang akan memperolehi ganjaran sebaik-baiknya di dunia dan juga di akhirat, sebagaimana janji Allah S.W.T. dalam surah An-Nahl, ayat 97 yang bermaksud; *Sesiapa yang beramal soleh dari kalangan lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya kami akan mengurniakan kepadanya kehidupan yang baik, dan sesungguhnya kami akan membalaaskan pahala mereka dengan balasan yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan”.*

### RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim.
- Al-Hadis Al-Syarif.
- Kamus Dewan*, Edisi Ketiga (2000) Kuala Lumpur: Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Abdul Rahman, *Hadith 40 (1989) (Terjemahan dan Syarahannya)*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa Haji Daud, *Tamadun Islam (1991)* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Pengurusan Menurut Islam, Konsep dan Tuntutan Siri IV*, (2000) Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Johor.
- Siti Fatimah Abdul Rahman, (1994) *Asas-Asas Masyarakat Cemerlang*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Yusof Ismail (1991) *Mengurus Secara Islam*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.